

MATI DALAM PERKHIDMATAN BAGI AHLI PARLIMEN/ ANGGOTA
PENTADBIRAN/SETIAUSAHA POLITIK(BERKAHWIN/ADA TANGGUNGAN)

Ahli Parlimen/ Anggota Pentadbiran dan Setiausaha Politik yang meninggal dunia dalam perkhidmatan, Yang di-Pertuan Agong boleh memberi kepada orang-orang tanggungannya :

- a. pencen dan ganjaran terbitan; atau
- b. ganjaran terbitan sahaja.

Pencen terbitan boleh diberi kepada balu atau duda dan anak Ahli yang mati. Manakala ganjaran terbitan boleh diberi kepada balu atau duda, anak dan ibu atau bapa tanggungan Ahli yang mati.

Dokumen yang diperlukan :

1. Borang JPA.BP.SPT.b01b – Permohonan Faedah Terbitan Bagi Kematian Dalam Perkhidmatan (Ahli Parlimen/Anggota Pentadbiran/Setiausaha Politik)
2. Borang JPA.BP.SPT.B01e – Maklumat tanggungan
3. Borang JPA.BP.SPT.B03a/B03b – Pengesahan Anak Belajar Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) (jika berkenaan)
4. Borang JPA.BP.SPT.B06 – Maklumat Akaun Bank Penerima Pencen
5. Borang JPA.BP.UMUM.B01 – Sijil Akuan Berhutang/Tak Berhutang
6. Borang JPA.BP.UMUM.B04 – Laporan Pengesaha Pakar Perubatan mengenai Anak Cacat/Cacat Anggota (jika berkenaan)
7. Salinan Kenyataan Perkhidmatan
8. Salinan Sijil Kematian
9. Salinan Sijil Nikah, sekiranya tiada surat akuan sumpah
10. Salinan Kad Pengenalan Balu/Duda
11. Salinan Sijil Kelahiran Anak-anak di bawah 21 tahun dan tiada had umur bagi anak cacat
12. Salinan surat pengesahan pengambilan anak angkat (jika berkenaan)
13. Salinan dokumen bank yang menunjukkan nama, nombor kad pengenalan dan nombor akaun bank.

Formula perkiraan:

Mengikut Akta 237, Jadual Pertama, perenggan 2(2) :
Ketentuan Saraan Setiausaha Politik 1980

PENCEN TERBITAN:

$1/144 \times$ tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukira \times gaji
tertakluk kepada maksimum sebanyak setengah dari gaji;

GANJARAN TERBITAN:

$1/48 \times$ gaji $\times 12 \times$ tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukira

- Gaji “Anggota Pentadbiran” bermakna Gaji + Elaun
- Gaji “Ahli Parlimen” bermakna Elaun bulanan sahaja
- Gaji ”Setiausaha Politik” bermakna Gaji Akhir sahaja

Dokumen yang diperlukan :

1. Borang JPA.BP.SPT.B01b – Permohonan Faedah Terbitan Bagi Kematian Dalam Perkhidmatan (Ahli Parlimen/Anggota Pentadbiran/Setiausaha Politik)
2. Borang JPA.BP.SPT.B01e – Maklumat Tanggungan
3. Borang JPA.BP.UMUM.B01 – Sijil Akuan Berhutang/Tak Berhutang
4. Kenyataan Perkhidmatan
5. Salinan Sijil Kematian
6. Salinan kad pengenalan tanggungan

Formula perkiraan:

GANJARAN TERBITAN :

$1/48 \times$ gaji $\times 12 \times$ tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukira